

Tajuk : 4 siswa wakili negara ke Hanoi

BERITA HARIAN

GLOBAL Rencana

C7

VARSI BIL 105 | 19 - 25 Januari 2012

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

MELIHAT wajah 28 peserta Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-11 ketika bersama-sama mengikuti sesi forum hari pertama program itu terbayang mengenai masa depan mereka dalam tempoh 10 tahun lagi memandangkan penulis pernah bertemu dengan alumuanya yang berjaya dalam bidang masing-masing.


'Pemimpin muda ASEAN' itulah jolokan buat mereka kerana peserta yang dipilih bukan calang-calang orangnya. Melihat profil latar belakang di dalam fail media disediakan penganjur sudah menggambarkan betapa layakannya mereka mewakili negara masing-masing.

Setiap negara yang terdiri daripada Indonesia, Filipina, Singapura, Malaysia, Vietnam, Thailand dan Jepun menghantar empat wakil pelajar terbaik dalam pelbagai bidang untuk menjalani sesi perbincangan, forum, pembentangan dan pelbagai aktiviti perkongsian idea serta budaya.

Malaysia diwakili Pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Choo Hong Ning; Graduan Sains Kognitif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Donald anak Stephen; Pelajar Sarjana Muda Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ong Kit Wee dan pelajar Kejuruteraan Alam Sekitar,



Donald



Ong Kit Wee



Heng Jing Yi



Choo Hong Ning

4 siswa wakili negara ke Hanoi

Universiti Malaya (UM), Heng Jing Yi.

Bagi Hong Ning yang lebih mesra dipanggil 'Eddie', peserta dan masyarakat tuan rumah iaitu Vietnam sangat mesra membuatkan beliau berasa seperti di negara sendiri dan mengakui peluang menyertai HYLI ialah pengalaman yang amat berharga kerana bukan semua pelajar mendapat peluang itu.

Pelajar tahun akhir Jurusan Komputer dan Sistem Komunikasi UPM itu berkata, lebih manis lagi apabila Malaysia diberi penghormatan menghantar dua pemimpin untuk menyampaikan pembentangan berkaitan topik tenaga dan alam

sekitar serta integrasi ASEAN dalam ekonomi ketika sesi forum.

"Dalam forum saya pernah menyarankan supaya negara lain menggunakan sistem 'Terowong Smart' seperti di Malaysia untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di bandar raya.

"Namun selepas itu ada peserta Thailand menyapa saya dan mengatakan tidak sesuai di Bangkok kerana permukaan tanahnya lembut dan jika kerajaan mereka melakukan perkara sama, kemungkinan mendakan beberapa sentimeter akan berlaku seperti sejak beberapa tahun lalu. Itu adalah antara pendedahan yang baru

saya tahu," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Donald berkata, perbincangan yang dijalankan bersama peserta sangat mendalam untuk semua topik, namun kadangkala ada juga selingan berbincang hal-hal santai misalnya berkongsi cerita mengenai budaya, bahasa dan makanan tempatan di negara masing-masing.

Katanya, beliau berpeluang bertanya secara langsung perspektif rakan dari enam negara lain mengenai sesuatu isu kerana sebelum ini, maklumat yang didapati kebanyakannya menerusi televisyen, radio, blog dan laman sosial.

"Program ini membuka pandangan peserta dengan sangat luas kerana kami turut membincangkan mengenai permasalahan di negara ASEAN dan mengemukakan idea untuk mengatasinya.

"Apabila saya menceritakan mengenai projek e-learning yang sedang dijalankan di Bario, Sarawak mereka sangat berminat mendengarnya dan bertanya banyak soalan kepada saya," katanya.

Kit Wee yang gemar dipanggil 'Ronald' berkata, pengisian program seminggu itu sebenarnya lebih hebat daripada apa yang dibayangkannya.

Pelajar tahun tiga UKM itu berkata, perkara yang lebih hebat lagi ialah pandangan semua peserta akan didokumenkan dan diteliti pemimpin

tujuh negara yang turut serta.

Katanya, beliau berasa bertuah kerana suara pelajar akan didengari terutama yang membabitkan hal serius seperti tenaga, ekonomi, pengangkutan, keselamatan dan integrasi ASEAN.

"Kami dibahagi kepada empat kumpulan yang terdiri daripada wakil setiap negara dalam satu kumpulan. Kami berbincang dan menyatakan masalah serta kelebihan negara masing-masing, selepas itu membuat satu pengimbangan perkara yang dimajukan serta sebaliknya untuk mendapatkan kata putus yang diper-setujui semua pihak.

"Saya yang mendapat topik 'Mencari Sumber Tenaga Lestari', ketika berbincang, kami bersetuju mencari sumber tenaga yang tidak menelan belanja tinggi kerana nuklear dan solar mahal di Vietnam, Malaysia dan Indonesia. Selain itu kami juga membincangkan bagaimana mahu memecah dominasi China terhadap logam nadir bumi yang diperlukan untuk tenaga solar," katanya.

Sementara itu, Jing Yi berkata, ketika pertama kali menjejaskan kaki di Hanoi, beliau tidak biasa dengan cuacanya yang sejuk iaitu 8°C - 13°C.

Program itu, katanya peluang untuk memperluas kenalan selain mengukur sejauh mana kemampuan diri sendiri berbanding pelajar luar negara.



SEMUA peserta HYLI ke-11 bergambar bersama pengurusan kanan Hitachi, pemimpin dari Vietnam dan Malaysia.